



JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

1 OKTOBER 2020

Untuk Siaran Segera

**PEMBAHARUAN LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) MOTOSIKAL DAN LESEN
MEMANDU KOMPETEN (CDL) SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM MYEG**

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) mengumumkan bahawa pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) motosikal secara atas talian melalui sistem myEG akan dilaksanakan bermula 9 Oktober 2020. Sementara itu, bagi Lesen Memandu Kompeten (CDL) pula akan dilaksanakan secara atas talian bermula 16 Oktober 2020. Ini tidak termasuk bagi Lesen Belajar Memandu (LDL) dan Lesen Memandu Percubaan (PDL). Pelaksanaan ini merupakan suatu inisiatif kerajaan untuk mendigitalisasikan perkhidmatan sedia ada kepada orang ramai selaras dengan amalan norma baharu yang praktikal.

Pada waktu kini, perkhidmatan atas talian melalui sistem myEG adalah bagi urusan pembaharuan LKM bagi kereta persendirian sahaja. Pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang lalu, beberapa perkhidmatan JPJ telah terganggu disebabkan penutupan kaunter JPJ akibat pandemik Covid-19 yang berleluasa.

Justeru, melalui inisiatif ini perkhidmatan JPJ akan menjadi lebih cekap dan mampan bagi memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Ibu Pejabat

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

-TAMAT-